

## Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan: Jawapan Soalan 6

(a) Apakah maksud belanja perniagaan?

<b>Maksud belanja perniagaan:</b> Belanja perniagaan adalah belanja yang telah digunakan bagi tujuan memperoleh hasil dalam satu tempoh perakaunan.
--

(b) Nanakan dua kelas belanja serta terangkan kelas belanja tersebut.

Kelas Belanja	Penerangan
1. Belanja operasi	Belanja yang terlibat secara langsung dalam aktiviti utama perniagaan.
2. Belanja bukan operasi	Belanja yang tidak terlibat secara langsung dalam aktiviti utama perniagaan

(c) Kelaskan belanja-belanja berikut kepada kelas belanja yang anda telah nyatakan di (b) di atas.

Jenis belanja	Kelas belanja
1. Sewa	Belanja operasi
2. Belian	Belanja operasi
3. Susutnilai	Belanja operasi
4. Rugi dari jualan aset bukan semasa	Belanja bukan operasi

(d) Beri dua contoh belanja yang berkaitan secara langsung dengan aktiviti utama sebuah kedai buku.

<b>Contoh belanja</b>
1. Belian buku-buku
2. Sewa premis

(e) Beri dua contoh belanja yang tidak berkait langsung dengan aktiviti utama sebuah firma perakaunan.

<b>Contoh belanja</b>
1. Rugi dari jualan komputer lama
2. Faedah pinjaman bank